

# INTELEKTUALISME & DA'WAH MASA KINI

## Penyunting

- MOHD RADHI IBRAHIM ● ABDUL RAHIM ARSYAD ●
- ROSLIZAWATI RAMLI ● MARINA MUNIRA ABDUL MUTALIB ●

Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Malaysia

00034

# **INTELEKTUALISME & *DA'WAH* MASA KINI**

CITY LOCATION SUNDAWAN IKLAS WITH BEST COMMENTS	
FORM	10th 10/10/08
DATE	2-10-08
ACC. NO.	

© Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan KUM

# INTELEKTUALISME & *DA'WAH* MASA KINI

## Penyunting

- MOHD RADHI IBRAHIM ● ABDUL RAHIM ARSYAD ●
- ROSLIZAWATI RAMLI ● MARINA MUNIRA ABDUL MUTALIB ●

**Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Malaysia**

GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	Unit Penekbitan KUM
DATE	28.10.03
ACC. NO	

Cetakan pertama ... 2003

© Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIIM

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit. Pendapat-pendapat yang dikemukakan dalam buku ini tidak semestinya menggambarkan pendapat Sidang Penyunting dan Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Intelektualisme dan da'wah masa kini / penyunting Mohd Radhi

Ibrahim ... [et al.].

ISBN 983-2950-00-7

1. Da'wah (Islam). 2. Islam--Misions. I. Mohd Radhi Ibrahim  
297.74

Diterbitkan oleh:

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Kolej Universiti Islam Malaysia.  
Tingkat 12, Menara A, Persiaran MPAJ,  
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-42892062 Fax: 03-42892196

Dicetak oleh:

Midmodal Industries Sdn. Bhd.  
No. 1, Jalan P4/1, Seksyen 4,  
Bandar Teknologi Kajang,  
43500 Semenyih,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-87242954 Fax: 03-87245927

## KANDUNGAN

---

<b>Pendahuluan</b>	<b>vii</b>
<b>Penyumbang Artikel</b>	<b>xiii</b>
<b>EPISTEMOLOGI: SATU TINJAUAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM</b> Mohd Radhi Ibrahim	<b>1</b>
<b>AL-GHAZALI DAN KELESUAN INTELEKTUALISME PADA PERIOD PERTENGAHAN</b> Abdul Rahim Arsyad	<b>15</b>
<b>PENGANTAR PENDIDIKAN KEROHANIAN ISLAM</b> Muhammad Yusuf Khalid	<b>25</b>
<b>PENELITIAN TERHADAP DA'WAH ISLAMIYAH</b> Syamsul Bahri Andi Galigo	<b>37</b>
<b>DA'WAH FUNGSIONAL: PENAMPILAN ISLAM SECARA KONTEKSTUAL</b> Ali Ya'kub Matondang	<b>51</b>
<b>UNSUR PENGURUSAN DALAM BIBLE DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN</b> Mohamed Asin Dollah	<b>67</b>
<b>الدعوة الإسلامية وسيلة أم غاية لدي الحركات الإسلامية المعاصرة</b> حرسى محمد هيلولة	<b>81</b>

## PENDAHULUAN

Meneliti fenomena yang berlaku dalam dunia global kita mendapati secara nyata keadaan umat Islam agak terkebelakang dalam menelusuri arus pembangunan dan globalisasi. Kemunduran, perpecahan, perbalahan, perang saudara sering dikaitkan dengan realiti umat Islam di kebanyakan tempat. Demikian juga penindasan, kezaliman, pembunuhan beramai-ramai, pemerkosaan pula sering menimpa mereka. Fenomena ini secara nyata menyerlahkan realiti umat Islam yang kehilangan panduan dan hala tuju yang jelas dalam menghadapi cabaran pembangunan dan globalisasi.

Usaha yang konsisten dan komited dari para ilmuan Islam dan para pendakwah amat diperlukan bagi mengeluarkan umat Islam dari kepompong kecelaruan ini. Untuk itu penelitian dan perancangan yang konkrit harus dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

*Da'wah* secara amnya difahami sebagai seruan untuk menerima dan mengikuti ajaran Islam yang sempurna. Peranan pendakwah pula adalah untuk menyampaikan seruan kepada mad'u agar menerima dan mengikuti ajaran Islam. Amalan mulia ini sememangnya dijanjikan oleh Allah s.w.t. dengan ganjaran pahala yang besar. Para Sahabat r.a. dan Tabi'in mencapai pelbagai ganjaran dan kedudukan di sisi Allah s.w.t. melalui usaha-usaha mereka di jalan *da'wah*. Kesenambungan ini seterusnya disambung oleh para ulama' Islam selepas mereka hingga ke hari ini.

Setelah penelitian dilakukan secara pratikal kita dapati suasana *da'wah* semasa agak berbeza dari apa yang terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. Pada zaman tersebut pendakwah menyeru umat Islam dengan ertikata yang luas, iaitu menyeru kepada keimanan tentang keesaan Allah s.w.t.

Namun realiti semasa menzahirkan suasana yang berbeza, di mana sebahagian pendakwah lebih mengkhususkan seruan *da'wah* kepada Islam yang disokong oleh kumpulannya sahaja. Individu yang berada di luar kumpulan mereka dianggap bukan Mukmin sempurna. Oleh itu usaha-usaha *da'wah* mereka tertumpu kepada mengislamkan orang yang telah Islam dan seringkali mengabaikan *da'wah* mereka yang belum Islam.

Fenomena ini secara langsung telah menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Kesatuan yang merupakan kekuatan utama umat Islam gagal dicapai, sebaliknya pihak musuh Islam terus berusaha memastikan agar perpecahan ini berpanjangan untuk melemahkan umat Islam. Hasilnya umat Islam di mana-mana diibaratkan umpama sebatang lidi yang dengan mudah dapat dipatahkan sesiapa sahaja.

Demikian juga kekeliruan mereka dalam memahami beberapa doktrin agama seperti Qada' dan Qadar, perbuatan manusia (*Af'al al-Ibad*) dan konsep kausaliti telah menyulitkan lagi usaha untuk bangkit sebagai pemimpin tamadun manusiawi. Pemahaman yang agak kabur terhadap konsep epistemologi Islam telah menyebabkan ilmu sains dan teknologi berada dalam kategori ilmu yang terpinggir dari tumpuan kajian dan penyelidikan umat Islam semasa. Kesannya pembangunan sains dan teknologi umat Islam begitu lemah dan sekadar menjadi pengguna kepada hasil kajian dan penyelidikan saintifik barat. Fenomena ini ternyata mempunyai kaitan dengan serangan sarjanan terhadap ahli falsafah dan ahli sains Islam sedikit masa dahulu.

Dalam suasana yang sebegini penerbitan ini telah diusahakan sebagai langkah untuk berkongsi idea bagi menghasilkan penemuan yang konkrit sebagai pemangkin pembangunan umat Islam. Buku ini adalah hasil dari himpunan kertas kerja yang dibentangkan dalam siri Wacana *Da'wah* dan Pengurusan Islam (WADPI) anjuran Fakulti

Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), pada tahun 2002. Antara objektif utama WADPI ialah untuk mewujudkan saluran bagi para ahli akademik KUIM menyalurkan idea dan berkongsi pandangan berkaitan bidang pengajian Islam terutama *da'wah*, aqidah, tasawuf, pengurusan dan perbandingan agama.

Artikel pertama oleh Mohd Radhi Ibrahim, **“Epistemologi: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam”** membicarakan berkenaan konsep ilmu yang menjadi asas kepada setiap perbahasan. Sejarah ilmu pengetahuan yang bermula dari Nabi Adam a.s. diperjelaskan bagi menonjolkan peranan para Anbiya' a.s. dalam mengembangkan ilmu pengetahuan. Perkara ini merupakan satu alternatif kepada sejarah ilmu yang sering dipopularkan bermula dari zaman naturalis Yunan seperti Thales, Phytogaras dan Heroclates.

Perkembangan intelektual umat Islam pada abad ke-5 dan ke-6 hijrah turut diteliti bagi mengenalpasti punca krisis intelektualisme yang muncul dalam masyarakat Islam. Sejauh manakah kebenaran dakwaan setengah pihak yang menyatakan Imam al-Ghazali adalah punca kemunduran umat Islam disebabkan beberapa pandangan dan karya beliau yang keras dan kritis. Jawapan bagi persoalan ini diulas oleh Dr. Abdul Rahim Arsyad dalam artikel beliau, **“Al-Ghazali Dan Kelesuan Intelektualisme Pada Period Pertengahan”**.

Sementara itu Dr. Mohd Yusuf Khalid pula menjelaskan berkenaan fenomena masyarakat yang sering mengabaikan aspek kerohanian individu. Perkara ini telah menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembangunan individu dan masyarakat, malah membawa kepada kepincangan tamadun Islam secara umum. Huraian perkara ini dapat diteliti melalui artikel beliau bertajuk **“Pengantar Pendidikan Kerohanian Islam”**.

Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo pula mengemukakan penelitian beliau terhadap *da'wah* Islamiyyah masa kini. Analisis beliau dalam hal ini dapat diteliti melalui penulisannya bertajuk **“Penelitian Terhadap *Da'wah* Islamiyyah”**. Melalui pengamatannya beliau membahagikan *da'wah* semasa kepada; *da'wah Taqlidiyyah*, *da'wah Islahiyyah*, *da'wah Tajdidiyyah* dan *da'wah Salafiyah*.

Metodologi *da'wah* secara lisan sahaja sememangnya tidak memadai, oleh yang demikian *da'wah* secara pratikal (*da'wah bi al-Hal*) amat diperlukan dalam usaha menjadikan *da'wah* lebih efektif dan diterima. Pendetailan perkara ini dapat diteliti melalui artikel oleh Prof. Madya Dr. Ali Yaakob Matondang bertajuk **“*Da'wah* Fungsional: Penampilan Islam Secara Kontekstual”**.

Dalam usaha untuk memantapkan lagi saqafah pendakwah kajian perbandingan perlu dilakukan terutama dari badan dan organisasi *da'wah* yang lain. Oleh itu penelitian terhadap konsep pengurusan yang terdapat dalam kitab Injil telah dilakukan oleh Prof. Dr. Mohamad Asin Dollah dalam artikel beliau **“Unsur Pengurusan Dalam Bible Dan hubungannya Dengan Penyebaran Agama Kristian”**.

Dalam keasyikan para pendakwah melaksanakan aktiviti *da'wah*, mereka kadangkala tergelincir dari landasan kebenaran, terutama apabila melibatkan kepentingan individu dan kumpulan politik masing-masing. Oleh itu perbandingan antara metodologi yang diaplikasikan mereka dengan metodologi para reformis Islam seperti Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh wajar dilakukan. Perbincangan lanjut perkara ini dapat diteliti dalam karya Dr. Hersi Muhammad Hilole bertajuk **“*Al-Da'wah al-Islamiyyah; Wasilah Am Ghayat Lada al-Harakat al-Islamiyyah al-Mu'asirah*”** (*Da'wah* Islamiyyah: Adakah Satu Perantara Atau Tujuan Bagi Gerakan Islam Semasa).

Demikianlah petikan serba ringkas tajuk-tajuk artikel yang terkandung dalam buku ini. Dengan pendahuluan ini diharapkan pembaca dapat menikmati susunan dan kesinambungan kesemua tajuk yang dibincangkan. Semoga penerbitan ini dapat memberikan sumbangan yang positif kepada usaha *da'wah* Islamiyyah di dunia Islam.

Penyunting ingin mengambil kesempatan menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang membantu menjayakan penerbitan ini terutama Pihak Pengurusan Universiti, Dekan dan kakitangan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, serta semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini.

**Jazakumullah Khairan Kathiran  
PENYUNTING**

## PENYUMBANG ARTIKEL

1. Mohamed Asin Dollah ialah Profesor dan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan Sm.P1 (UKM), M.Litt (Glasgow) dan Ph.D (Birmingham). Bidang pengkhususan beliau ialah Perbandingan Agama, Pengajian *Da'wah* dan Pemikiran Islam.
2. Ali Ya'kob Matondang ialah Profesor Madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar), M.A. dan Ph.D (IAIN, Jakarta). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian *Da'wah*, Perbandingan Agama dan Pemikiran Islam.
3. Syamsul Bahri Andi Galigo ialah Profesor Madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar), M.A. (Kaherah) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Akidah, Tasawwuf, *Da'wah* dan Pemikiran Islam.
4. Hersi Mohamed Hilole ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Jordan), SPI dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Falsafah, *Da'wah* dan Bahasa Arab.
5. Muhammad Yusuf Khalid ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Madinah), M.A. (UIAM) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian *Da'wah*, Perbandingan Agama dan Tarekat.

6. Abdul Rahim Arsyad ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya, M.A. dan Ph.D (al-Azhar). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran *Da'wah* dan Kebudayaan Islam.
7. Mohd Radhi Ibrahim ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar), S.U.s. (Malaya). Bidang pengkhususan beliau ialah Akidah, Falsafah dan Pemikiran Islam.
8. Syamsul Bahri A. ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (al-Azhar), M.A. (Kuala Lumpur) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran *Da'wah*, Perbandingan Agama dan Fiqh.
9. Haziq Mohd Yusoff ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Jordan), SRI dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran *Da'wah* dan Bahasa Arab.
10. Muhammad Yusoff ialah pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia. Beliau berkelulusan al-Aliya (Madinet), M.A. (UAM) dan Ph.D (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajaran *Da'wah*, Perbandingan Agama dan Tarekat.

## INDEKS

- 'Adm al-Tanaqud, 8  
Abu al-Barakat, 1  
Ahlu sunnah waljamaah, 33  
akal, 10  
akidah, 3  
Amin Rais, 20  
Amir Syahib Arsalan, 16  
al-Asfahani, 32  
astrologi, 5  
astronomi, 5  
Atheis, 12  
August Comte, 7
- badihi*, 8  
al-Baghdadi, 1  
Al-Baqillani, 1  
*al-baqiyat as-salihat*, 62  
Bible, 68, 72  
*bid'ah*, 54
- Christ*, 70  
Chronicles, 76  
Copernicus, 7  
Corinthians, 71
- Da'wah*, 37, 51, 55, 63, 64  
*Da'wah Islahiyah*, 39  
*Da'wah Tajdidiyyah*, 31
- Da'wah Taqlidiyyah*, 38  
*Da'wah Salafiyyah*, 40  
al-Daylami, 47  
*al-Din*, 48
- ego*, 33  
*ekstrinsik*, 60  
Ephesians, 74  
Epistemologi, 1, 8, 12  
Etos, 20  
*evaluasi formatif*, 64
- falsafah, 1, 7, 17  
Falsafi, 34  
al-Fansuri, 35  
fardu 'Ain, 3  
fardu Kifayah, 3  
*fitrah*, 2  
Francis Bacon, 8  
Fungsional, 51
- Galileo, 7  
Genesis, 71  
al-Ghazali, 16, 22, 33  
Greek, 5
- al-haq*, 45  
al-Harawi, 34

- harb*, 58  
 Hermis, 5, 6  
 hijab, 34  
*Hujjat Al-Islam*, 17  
*hypothesis*, 45
- Ibn Qayyim, 34  
 Ibn Sina, 1  
 Ibn Taimiah, 34  
*idrakat*, 10  
 Idris a.s., 5  
*ihsan*, 29  
*Ihya'*, 21  
 Ikhwan al-Safa, 5  
 intelektualisme, 16  
*intellect*, 9  
*internet*, 35  
*Islahiyyah*, 39
- Jami'al-Rasai'l*, 5  
*jihad akbar*, 59  
 al-Jilani, 35
- Kerohanian, 25  
 Khulafa' al-Rasyidin, 27  
 konservatif, 16
- kontekstual, 51  
 Kristian 8, 67  
 KUIM, 37
- ma'rifah*, 9  
*majzub*, 35  
*maqasid as-syariah*, 57  
 Marxisme, 8  
 materialisme, 11  
 Mesir, 6  
 metafizik, 11  
*al-Mu'tabar*, 1  
*al-Mustasfa*, 21
- al-Nadawi, 29  
*al-Najat*, 1  
*Nazariyyah al-Ma'rifah*, 1
- wacana, 38  
*Al-Wad'iyyah*, 7  
*wasilah*, 11  
*web*, 35  
 William James, 7
- Zoologi, 9  
 Zuhul, 5

# INTELEKTUALISME & DA'WAH MASA KINI

Meneliti fenomena yang berlaku dalam dunia global kita mendapati secara nyata keadaan umat Islam agak terkebelakang dalam menelusuri arus pembangunan dan globalisasi. Kemunduran, perpecahan, perbalahan dan perang saudara sering dikaitkan dengan realiti umat Islam di kebanyakan tempat. Demikian juga penindasan, kezaliman, pembunuhan beramai-ramai dan pemerkosaan pula sering menimpa mereka. Fenomena ini secara nyata menyerlahkan realiti umat Islam yang kehilangan panduan dan hala tuju yang jelas dalam menghadapi cabaran pembangunan dan globalisasi.

Usaha yang konsisten dan komited dari para ilmuan Islam dan para pendakwah amat diperlukan bagi mengeluarkan umat Islam dari kepompong kecelaruan ini. Untuk itu penelitian dan perancangan yang konkrit harus dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Buku ini adalah hasil dari himpunan kertas kerja yang dibentangkan dalam siri Wacana *Da'wah* dan Pengurusan Islam (WADPI) anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), pada tahun 2002.

**Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan  
Kolej Universiti Islam Malaysia**

ISBN 983-2950-00-7



9 784632 496004